

PENGARUH GAYA ASUHAN IBU BAPA TERHADAP GEJALA PONTENG SEKOLAH

Diana Wulandari
Lee Jun Choi
Sawan @ Mohammad Syawal Narawi

ABSTRAK

Gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah merupakan salah satu masalah di dalam dunia pendidikan sejak dari dulu lagi dan boleh menjadi semakin serius sekiranya tidak dikawal. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti adakah gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif, dan permisif) mempengaruhi gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Atas (SMA) di Bandar Malang Indonesia. Sampel kajian terdiri daripada 500 pelajar Sekolah Menengah Atas (SMA) yang pernah ponteng sekolah minimum tiga kali dalam satu semester di lima daerah iaitu Sukun, Kedungkandang, Blimbing, Klojen dan Lowokwaru di Bandar Malang Indonesia. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik PAQ (Parental Authority Question) yang mempunyai nilai kebolehpercayaan Cronbach Alfa = 0.82. Statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis jantina, tahap perlakuan ponteng, umur, dan pekerjaan ibu bapa. Statistik inferensi iaitu regresi linear berganda digunakan untuk menganalisis gaya asuhan ibu bapa yang paling dominan dan signifikan terhadap gejala ponteng sekolah. Hasil daripada kajian mendapati bahawa, gaya asuhan ibu bapa autoritarian, autoritatif, dan permisif mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar SMA di Bandar Malang Indonesia. Gaya asuhan ibu bapa permisif merupakan pemboleh ubah peramal yang paling dominan mempengaruhi gejala ponteng sekolah. Oleh itu, pihak sekolah khususnya pihak Kementerian Pendidikan Indonesia perlulah mengambil kira faktor ibu bapa di dalam merancang segala program atau aktiviti pencegahan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar.

Kata kunci: Gaya Asuhan Ibu Bapa, Autoritarian, Autoritatif, Permisif, Ponteng.

PENDAHULUAN

Masalah disiplin dalam institusi pendidikan seperti ponteng, merokok, vandalisme, buli, minum alkohol, dan pergaduhan merupakan salah laku disiplin yang sering menjadi perhatian semua pihak. Terdapat beberapa salah laku disiplin yang menjadi perhatian dalam kajian-kajian lepas. Antaranya salah laku buli (Hassan et al., 2016), salah laku lucah (Alavi et al., 2012), dan salah laku ponteng sekolah (Mustaffa & Jamil, 2012; Yahaya et al., 2012).

Namun, berdasarkan beberapa salah laku tersebut didapati salah laku ponteng sekolah berada pada tahap yang membimbangkan guru-guru pada masa kini (Rogers, 2014). Kebimbangan ini harus segera diatasi kerana salah laku ponteng sekolah akan mempengaruhi kemerosotan akademik dan masa depan murid dalam membangunkan generasi yang mementingkan ilmu pada masa hadapan (Azimi et al., 2012).

Ponteng sekolah merupakan salah satu permasalahan yang cukup serius di dunia pendidikan. Kes ponteng ini sudah terjadi sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu dan pelbagai cara telah dilakukan untuk mengurangkan kes ponteng sekolah ini namun kes ini masih tetap berlaku. Kes ponteng boleh berlaku sama ada di negara maju misalnya di United Kingdom (Arthur, 2014; Attwood & Croll, 2015; Sutphen et al., 2010), Amsterdam (Woude et al., 2016), Belgium (Berten & Rossem, 2015; Claes et al., 2009), Sweden (Ek & Eriksson, 2013; Strand et al., 2016), Finland (Virtanen et al., 2014), USA (Dahl, 2016; Gase et al., 2016), United States of America (White & Kelly, 2010), Las Vegas (Haight et al., 2011), New York (Floros et al., 2013; Monahan et al., 2014), Africa (Breda, 2014; Matela et al., 2014) atau di negara sedang membangun seperti Malaysia (Hashim, 2016; Nawawi et al., 2016; Saidi, 2010; Saleh & Saidi, 2015), Indonesia (Nitasari, 2016; Pravitasari, 2012), Nigeria (Sara & Baba, 2016), Ghana (Donkor, 2015), Norway (Havik et al., 2015), Columbia (Hendricks et al., 2010), Hongkong (Shek & Lin, 2014), India (Trishala & Kiran, 2015), Pakistan (Aqeel, 2016; Hassan et al., 2016).

Terdapat pelbagai faktor yang boleh menyumbang kepada gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan antaranya ialah; faktor persekitaran sekolah (Saidi, 2010), pengaruh rakan sebaya (Berten & Rossem, 2015; Dahl, 2016), faktor tekanan hidup, sumber sosial serta kesejahteraan spiritual (Hashim, 2016), dan faktor keluarga (Breda, 2014; Donkor, 2015; Gase et al., 2016; Saleh & Saidi, 2015; Stevan, 2014; Virtanen et al., 2014). Berdasarkan kajian-kajian lepas, kebanyakan pengkaji mengatakan bahawa faktor keluarga merupakan antara faktor utama yang menyebabkan berlakunya kes ponteng sekolah dalam kalangan pelajar. Salah satu daripada faktor-faktor keluarga ini yang dikenal pasti sebagai gaya asuhan ibu bapa yang diguna pakai oleh ibu bapa untuk mengasuh anak-anaknya.

Gaya asuhan ibu bapa adalah salah satu pemboleh ubah yang dinyatakan oleh beberapa pengkaji (Bezrukova & Samoylova, 2015; Chand & Campus, 2012; Donoghue, 2011; Murtiyani, 2011; Smith et al., 2011; Woude et al., 2016; Zins, 2013), yang berkaitan dengan gejala ponteng sekolah. Dapatan kajian ini mungkin berbeza daripada tempat lain yang disebabkan oleh pelbagai faktor budaya, cara hidup, dan demografi (Donkor, 2015).

Baumrind (1975) menyatakan ada tiga gaya asuhan ibu bapa, iaitu autoritarian, autoritatif, dan permisif. Menurut Bezrukova dan Samoylova (2015), sikap autoritarian (otoriter) adalah karakteristik keluarga dengan sumber daya rendah baik dilihat dari segi ekonomi keluarga mahupun dari segi tahap pendidikan. Oleh sebab itu, ibu bapa yang mendidik anak-anak mereka dengan gaya asuhan autoritarian (otoriter) lebih cenderung untuk tegas dan sensitif saat berkomunikasi mahupun membuat sebarang keputusan pada anak mereka masing-masing. Pernyataan tersebut diperkuatkan dengan pernyataan Vasilova (2016) yang menyatakan bahawa keperibadian autoritarian digambarkan oleh sistem sikap yang kaku sebagai kesan daripada gaya asuhan yang ketat semasa zaman kanak-kanak. Kesan dari keperibadian tersebut seseorang anak harus tunduk dan taat tanpa kompromi. Apabila gaya asuhan ibu bapa terus berlanjutan, maka, akan menyebabkan suasana keluarga yang kurang harmonis. Hal itulah yang mengakibatkan para pelajar melakukan perilaku nakal seperti ponteng sekolah. Berdasarkan hasil kajian sebelum ini menunjukkan bahawa gaya asuhan autoritarian mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas tingkah laku ponteng sekolah, sama ada oleh sekolah rendah, sekolah menengah atau pelajar sekolah lanjutan (Gloria, 2016; Murtiyani, 2011; Salikiin et al., 2016; Scolastica & Aloka, 2014).

Selain itu, gaya asuhan ibu bapa autoritatif juga mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas ponteng sekolah (Claes et al., 2009; Cynthia, 2013; Trishala & Kiran, 2015). Di samping itu, gaya asuhan autoritatif mempunyai kesan yang kuat terhadap pembentukan watak kanak-kanak. Walau bagaimanapun, tidak semua kajian lepas mencadangkan bahawa gaya asuhan autoritatif mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas tingkah laku ponteng sekolah, seperti rekan sebaya dan persekitaran juga mempunyai pengaruh yang kuat pada kenakalan pelajar (Yahaya et al., 2012).

Sedangkan gaya asuhan ibu bapa permisif menurut Igbo dan Ihejiene (2014) menyatakan bahawa ibu bapa yang permisif mendorong autonomi, terlibat dalam membuat keputusan untuk anak-anak mereka, jarang mendisiplinkan anak-anak mereka kerana mereka memiliki harapan dan kawalan diri yang relatif rendah. Responsif dari yang mereka minta, ibu bapa permisif cenderung kurang dalam melaksanakan peraturan dan batasan yang ada di rumah. Akibat daripada gaya asuhan ibu bapa permisif adalah banyak permasalahan internalisasi baik di rumah, sekolah mahupun lingkungan masyarakat serta prestasi akademik (Baumrind, 1991). Berdasarkan kajian terdahulu, didapati pengaruh yang signifikan gaya asuhan ibu bapa permisif ke atas gelagat pelajar yang ponteng sekolah (Muin, 2015; Pravitarsari, 2012).

Berdasarkan hasil kajian yang lepas, banyak pendekatan yang digunakan untuk menangani ponteng sekolah, antaranya ialah gaya asuhan ibu bapa. Justeru itu, penyelidik merasakan terdapat keperluan untuk kajian terperinci mengenai gaya asuhan ibu bapa dalam menangani masalah ponteng sekolah di kalangan pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Seperti negara-negara lain di dunia, masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar merupakan antara masalah utama di dalam dunia pendidikan dan masih lagi merupakan antara topik perbualan yang agak hangat di beberapa buah negara Asia termasuk juga negara Indonesia. Walaupun terdapat pelbagai faktor yang menyumbang terhadap perlakuan ponteng sekolah oleh pelajar, namun antara faktor yang sering dikaitkan dengan gejala ini ialah faktor keluarga. Seperti yang telah dinyatakan pada bahagian pendahuluan artikel ini, gaya asuhan ibu bapa merupakan antara pembolehubah yang mempunyai kaitan dengan gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar di beberapa buah negara barat. Persoalannya adakah perkara yang sama (faktor gaya asuhan) berlaku di negara yang berbeza khususnya di negara Asia? Seperti yang telah dinyatakan oleh Donkor (2015) di dalam kajian beliau, dapatan kajian mungkin berbeza disebabkan oleh pelbagai faktor lain seperti budaya, cara hidup dan demografi yang berbeza. Kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik adalah bertempat di negara Indonesia iaitu negara asal penyelidik khususnya di Kota Malang, Indonesia. Ini secara tidak langsung merupakan limitasi kepada kajian ini. Namun, Kota Malang telah dipilih oleh penyelidik disebabkan kebanyakan daerah-daerah di kawasan tersebut merupakan antara daerah-daerah yang menunjukkan permasalahan ponteng sekolah yang agak ketara peningkatannya di negara Indonesia. Perkara ini sebenarnya semakin membimbangkan beberapa pihak khususnya para pendidik di daerah-daerah terbabit.

Kota Malang mempunyai lebih kurang 30 buah sekolah menengah atas (SMA). Pelbagai program telah dirancang serta diperkenalkan demi untuk memerangi dan seterusnya mengurangkan jumlah pelajar sekolah menengah atas (SMA) terlibat dengan gejala ponteng sekolah. Antara program-program tersebut ialah program bimbingan dan kaunseling (Broo, 2017), program kerjasama antara pihak polis, guru dan masyarakat (Entitas, 2016; Nur, 2017)), dan program perjumpaan di antara ibu bapa dan guru-guru secara berkala (Riz/yan, 2017). Dengan memperkenalkan program-program tersebut, adalah menjadi harapan pihak-pihak tertentu terutamanya pihak kementerian pendidikan iaitu pengurangan atau penurunan jumlah kes ponteng sekolah dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah atas khususnya di kota Malang, Indonesia. Namun begitu, berdasarkan statistik tahunan 2014-2016 (Jadual 1), jumlah pelajar yang terlibat dengan kes ponteng sekolah tidak menunjukkan sebarang penurunan, malah ianya meningkat dari tahun ke tahun. Fenomena ini agak membimbangkan pelbagai pihak terutama pihak ibu bapa dan juga guru-guru sekolah.

Jadual 1: Jumlah Kes Ponteng Sekolah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Atas di Daerah Kota Malang untuk Tahun 2014 hingga 2016.

Tahun	Jumlah kes Ponteng	Jumlah pelajar SMA	% peningkatan
2014	1521	14423	10.54
2015	1697	15567	10.9
2016	1791	16233	11.03

Sumber: Unit Bimbingan dan Kaunseling, Jabatan Pendidikan Daerah Kota Malang, Indonesia.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif, permisif) yang paling dominan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah atas yang terlibat dengan gejala ponteng, khususnya di Kota Malang Indonesia.
2. Mengetahui gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif, permisif) yang signifikan sebagai peramal perlakuan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah atas di Kota Malang, Indonesia.

KAJIAN LITERATUR

Teori Pembelajaran Sosial

Teori pembelajaran sosial didefinisikan sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku (Bandura, 1977). Saidi (2010) menyatakan bahawa gejala ponteng merupakan perilaku yang agresif kerana ponteng wujud dari hasil cetusan kebosanan pelajar yang disebabkan faktor keadaan persekitaran sekolah. Selain daripada itu, faktor lain yang menyebabkan gejala ponteng sekolah adalah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya (Berten & Rossem, 2015; Dahl, 2016) dan faktor keluarga (Breda, 2014; Donkor, 2015; Gase et al., 2016; Saleh & Saidi, 2015; Stevan, 2014; Virtanen et al 2014). Menurut Bandura, (1977) seseorang akan memerhatikan tingkah laku orang lain kemudian menyimpan informasi tersebut secara kognitif dan seterusnya akan mengaplikasikan informasi tersebut dalam bentuk tindakan. Dalam hal ini ibu bapa sebagai model utama yang dilihat oleh seorang anak yang akan berkembang menjadi seorang pelajar dan kemudian seorang yang dewasa. Pernyataan tersebut diperkuat dengan pernyataan (Talib et al., 2015) yang menyatakan bahawa gaya asuhan ibu bapa berpengaruh terhadap perkembangan anak. Peranan ibu bapa dalam mendidik anak dapat dilihat melalui gaya asuhannya. Menurut Baumrind (1975) terdapat tiga gaya asuhan yaitu autoritarian, autoritatif, dan permisif. Selain daripada itu juga, faktor lain yang dikatakan menyumbang secara tidak langsung terhadap gejala ponteng sekolah oleh seseorang pelajar adalah disebabkan oleh factor tekanan hidup seperti kemiskinan (Hashim, 2016). Ibu bapa dari pelajar yang miskin cenderung bersikap autoritarian terhadap anak mereka agar masa depan anak atau pelajar tidak seperti ibu bapa (Bezrukova & Samoylova, 2015).

Bandura, (1977) menyatakan bahawa tingkah laku individu mempengaruhi persekitaran dan sebaliknya. Hal tersebut sangat relevan dengan pernyataan Saleh dan Saidi (2015) yang menyatakan bahawa institusi keluarga sangat berpengaruh dan mempunyai peranan yang sangat kuat dalam mencegah salah laku anak mahupun pelajar. Pelajar yang mempunyai latarbelakang keluarga yang prihatin serta mengambil tahu akan pergerakan atau tindak tanduk anak mereka selalunya bersikap rasional dan tidak mudah terlibat dengan aktiviti negatif. Bagi pelajar yang terbiar serta tidak diperdulikan oleh ahli keluarga pula berkecenderungan terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat, misalannya ponteng sekolah, khususnya yang terpengaruh dengan rakan sebaya.

Gejala Ponteng Sekolah

Ponteng sekolah merupakan perilaku pelajar yang tidak menghadirkan diri ke sekolah. Selalunya pelajar sedemikian tidak mempunyai sebarang alasan yang kukuh serta jelas (Breda, 2014; Matela et al., 2014). Manakala menurut Gase et al., (2014), ponteng sekolah merupakan perlakuan ketidakhadiran seseorang pelajar ke sekolah tanpa sebarang kebenaran sama ada secara lisan atau bertulis daripada pihak yang berwajib (Pengetua atau guru besar). Ponteng sekolah merupakan ketidakhadiran seseorang pelajar tanpa memberi sebarang alasan yang munasabah kepada pihak sekolah di dalam tempoh tertentu (Sutphen et al., 2010). Perlakuan ponteng sekolah boleh juga didefinisikan sebagai perbuatan tidak hadir ke sekolah tanpa pengetahuan atau izin daripada guru dan ibu bapa tanpa sebab-sebab yang tertentu yang sah dan munasabah (DBP, 2007).

Adapun faktor penyebab ponteng di antaranya adalah, (a) faktor suasana sekolah. Menurut Saidi (2010), suasana sekolah dapat ditinjau dari beberapa aspek seperti aspek rasa selesa dan aman, aspek fizikal sekolah iaitu bangunan sekolah dan fasiliti sekolah serta aspek dari kualiti gurunya, dan hal tersebut mempunyai pengaruh kuat menyebabkan pelajar suka melakukan ponteng sekolah. Hal tersebut juga diperkuatkan lagi dengan kenyataan Attwood dan Croll (2015) yang menyatakan bahawa suasana sekolah menjadi salah satu faktor utama pelajar melakukan kegiatan ponteng sekolah. Pelajar banyak melakukan ponteng sekolah kerana kurang mendapat perhatian daripada guru serta suasana bilik darjah yang membosankan (Claes et al., 2009; Havik et al., 2015; Matela et al., 2014). (b) Faktor rakan sebaya. Menurut Berten dan Rossem (2015), rakan sebaya mempunyai peranan yang cukup besar terhadap seseorang pelajar untuk melakukan kes ponteng sekolah. Keselesaan dan keseronokan yang diperoleh seseorang pelajar daripada rakan sebaya akan mendorong pelajar melakukan sesuatu perkara termasuklah ponteng sekolah. (c) Faktor individu pelajar itu sendiri. Tahap kestabilan emosi negatif juga dapat mempengaruhi persepsi pelajar terhadap suasana pembelajaran dan akan wujud hubungan yang kurang menyenangkan antara pelajar dengan rakan sebayanya, atau dengan gurunya. Hal itulah yang menjadi salah satu penyebab kepada berlakunya ponteng sekolah di kalangan pelajar (Dahl, 2016; Havik et al., 2015). (d) Faktor tekanan hidup seperti kemiskinan, sumber sosial serta kesejahteraan spiritual. Menurut Attwood dan Croll (2015), salah satu faktor pelajar melakukan ponteng sekolah adalah kerana ibu bapa pelajar miskin dan justeru, pelajar melakukan kegiatan ponteng sekolah dengan alasan untuk membantu ibu bapa mereka bekerja demi memenuhi keperluan hidup. (e) Faktor media masa. Menurut Risakotta (2015), semakin meningkatnya tahap teknologi pada masa kini maka semakin bertambahlah penggunaan pelbagai alatan elektronik dan seterusnya membuka peluang yang semakin besar terhadap tindakan yang negatif. (f) Faktor keluarga. Keadaan keluarga juga menjadi salah satu faktor yang membuatkan pelajar tidak selesa dan membuatkan mereka melakukan kegiatan ponteng sekolah (Breda, 2014). Salah satu cara sesuai untuk

mengurangkan kegiatan ponteng sekolah adalah dengan mewujudkan suasana keluarga yang harmoni (Breda, 2014; Donkor, 2015; Gase et al., 2016; Saleh & Saidi, 2015; Stevan, 2014; Virtanen et al., 2014).

Kegiatan ponteng sekolah memberikan kesan yang negatif kepada pelajar seperti prestasi akademik yang menurun, digantung atau dibuang sekolah, terlibat dalam penyalahgunaan dadah, mengambil minuman yang beralkohol serta terlibat dalam aktiviti jenayah (Lin & Lian, 2011). Claes et al., (2009) menyatakan bahawa kegiatan ponteng sekolah yang tinggi di peringkat sekolah akan mengurangkan prestasi peperiksaan pelajar. Kajian lepas juga ada menunjukkan bahawa pelajar yang suka bermain judi dan ponteng sekolah menunjukkan prestasi sekolah yang rendah (Floros et al., 2013). Menurut Yahaya et al., (2010), pelajar yang suka melakukan kegiatan ponteng sekolah akan menjejaskan prestasi akademik mereka kerana ketinggalan sesi pembelajaran dan malas untuk berfikir. Menurut Ek dan Eriksson (2013) pelajar yang mengalami stress atau tertekan terhadap sesuatu akan meminum alkohol atau menyalahgunakan dadah untuk menghilangkan stress tersebut. Apabila pelajar sudah mengambil dadah atau meminum alkohol, pelajar tersebut akan malas berfikir bahkan lebih gemar untuk bersenang-senang dan perkara ini membuatkan pelajar untuk ponteng sekolah.

Pelajar yang melakukan ponteng sekolah akan terlibat dengan kegiatan jenayah bagi mendapatkan kesenangan atau, untuk menarik perhatian ibu bapa mahupun dari guru. Penyataan tersebut bersesuaian dengan penyataan Barnert et al., (2015) bahawa apabila rumah atau sekolah gagal untuk memenuhi keperluan kasih sayang dan kesejahteraan hidup, maka seseorang pelajar itu akan cenderung menghabiskan lebih banyak waktu di jalanan dan tidak berminat untuk berada di sekolah atau di rumah. Selain daripada itu, pelajar yang ponteng sekolah juga berkemungkinan besar akan mencari masalah di sekolah, mengalami kesulitan psikososial dan serta terlibat dengan masalah peringkat juvana (Dembo & Gullede, 2009).

Sememangnya secara umum, antara halatuju pendidikan di beberapa buah negara sedang membangun di Asia seperti Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan sebagainya adalah bermatlamat melahirkan pelajar yang berkeyakinan, produktif, inovatif dan kreatif. Pelajar atau warganegara masa depan yang mempunyai ciri-ciri ini bertujuan melahirkan warganegara yang berketrampilan yang dapat memenuhi keperluan pasaran kerja, berdaya saing, mempunyai jati diri, berilmu, bersifat antarabangsa dan seterusnya menjadi pendorong/pemangkin ekonomi sesebuah negara. Seseorang pelajar sering terbabit dengan perlakuan ponteng sekolah sudah tentu mustahil mempunyai ciri-ciri di atas. Oleh itu demi untuk mengekang atau mengatasi masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar, beberapa langkah telah diambil dan sedang diamalkan di beberapa negara seperti Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, dan beberapa negara barat seperti Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Antaranya ialah dengan mengadakan program-program kerjasama anti ponteng sekolah di antara pihak sekolah dengan pihak ibu bapa, masyarakat dan juga pihak berkuasa lain (contohnya pihak polis), program kaunseling pelajar dan kaunseling keluarga, penggunaan media massa dalam mewartarkan kesan ponteng sekolah, program perjumpaan ibu bapa guru bagi membincangkan masalah disiplin pelajar, menambahbaik prasarana sekolah, menambahbaik gaya dan cara pengajaran dan pembelajaran guru agar lebih menarik minat pelajar, melakukan kajian tindakan yang melibatkan pelajar-pelajar ponteng sekolah, dan pelbagai lagi. Selain daripada itu, pelbagai pihak (NGO, pihak kerajaan, dan ahli-ahli politik) nampaknya senantiasa berbincang dan memikirkan strategi-strategi baru serta efektif dalam usaha ke arah mengurangkan masalah ponteng sekolah dalam kalangan peajar, khususnya pelajar sekolah menengah.

Gaya Asuhan Ibu Bapa

Baumrind (1971) dan Maccoby & Martin (1983) menyatakan gaya asuhan dibentuk dari kewujudan dua dimensi iaitu dimensi kawalan dan kemesraan. Dimensi kawalan menghuraikan cara standard ditentukan oleh ibu bapa untuk kanak-kanak, berkaitan dengan kawalan tingkah laku daripada ibu bapa. Dimensi ini berkaitan dengan sejauh mana ibu bapa menjangka dan menuntut kematangan serta tingkah laku yang bertanggungjawab dari kanak-kanak. Tingkah laku ibu bapa menunjukkan gaya asuhan mempunyai lima perkara, iaitu: (a) membatasi (*restrictiveness*), (b) menuntut (*demandingness*), (c) kekerasan atau mengasari (*strictness*) (d) suka ikut campur (*intrusiveness*) dan (e) sewenang-wenang (*arbitrary power assertion*).

Manakala dimensi kemesraan menghuraikan cara ibu bapa bertindakbalas terhadap anak, menunjukkan elemen kemesraan dan memberikan sokongan terhadap anak-anak. Dimensi ini berkaitan dengan keperluan tahap gerak balas ibu bapa terhadap kanak-kanak dalam penerimaan dan sokongan. Ibu bapa yang mesra mempunyai sikap seperti yang berikut: (a) mengambilkira atau prihatin terhadap kebajikan kanak-kanak, (b) tahu serta sensitif terhadap keperluan kanak-kanak, (c) meluangkan serta menghabiskan masa untuk melakukan kegiatan bersama anak, (d) sensitif akan keadaan atau tahap emosi anak-anak dan (e) kesediaan menjawab dan membantu kanak-kanak dengan penuh minat.

Jadual 2 : Tipologi gaya asuhan ibu bapa Baumrind

	Tuntutan rendah	Tuntutan tinggi
Responsif rendah	Gaya asuhan Niglekt	Gaya asuhan Autoritarian
Responsif tinggi	Gaya asuhan Permisif	Gaya asuhan Autoritatif

Sumber: Simons, Simons & Wallace, 2004; Maccoby & Martin, 1983

Gaya asuhan authoritarian merupakan suatu bentuk gaya asuhan yang menekankan pada disiplin yang tinggi, ibu bapa pada umumnya sangat tegas dan ketat dalam mendidik anak (Baumrind, 1971). Ibu bapa yang authoritarian menekankan kepatuhan

anak terhadap peraturan yang mereka buat tanpa banyak bertanya, tidak menjelaskan maksud dari peraturan tersebut apabila anak tidak melaksanakan aturan dan cenderung akan mendapat hukuman daripada ibu bapanya. Ibu bapa autoritarian mempunyai prinsip bahawa cara yang keras serta tegas merupakan cara yang terbaik dalam mendidik anak. Ibu bapa jenis ini tidak mahu menerima pandangan anak, tidak memberi kesempatan pada anak untuk mengatur dirinya sendiri dan selalu mengharapkan anak-anak agar selalu mendengar atau mengikut kata ibu bapanya. Sikap tersebut akhirnya menjadikan remaja selalu bergantung kepada ibu bapa, tidak yakin pada diri sendiri dan tidak berani membuat keputusan melainkan hanya apabila disuruh oleh ibu bapa. Gaya asuhan autoritarian merupakan gaya yang membatasi dan mengutamakan disiplin tinggi yang mana ibu bapa selalunya memaksa anak mereka untuk mengikuti peraturan dan menghormati pekerjaan ibu bapa (Baumrind, 1971; Santrock, 2007). Gaya asuhan autoritarian mempunyai impak negatif terhadap perkembangan seseorang anak. Kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan autoritarian dengan perlakuan ponteng sekolah (Sara & Baba, 2016). Manakala Onyango (2015) mendapati bahawa model gaya asuhan ibu bapa autoritarian memiliki hubungan negatif dengan keterlibatan anak untuk pergi ke kelas. Seterusnya, Igbo dan Ihejiene (2014) juga menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa autoritarian berpengaruh secara signifikan terhadap pelajar yang ponteng sekolah.

Gaya asuhan autoritatif pula merupakan bentuk gaya perlakuan yang mana ibu bapa mudah berinteraksi dengan anak atau remaja dalam apa jua keputusan yang berkaitan dengan keluarga dan dirinya Baumrind (1971). Ibu bapa yang mempunyai gaya asuhan semacam ini lebih mudah atau senang didekati kerana anak diberi kesempatan untuk berkembang serta mempunyai peluang untuk mewujudkan hubungan yang dekat atau erat. Anak selalu diajak untuk berbincang ketika membicarakan sesuatu masalah atau peraturan-peraturan yang dibuat di rumah. Peraturan yang dibuat sesuai dengan keputusan bersama jadi anak-anak akan merasa selesa untuk melakukan kewajibannya dan mendapat haknya. Namun ibu bapa autoritatif mempunyai satu garis panduan hidup kepada anak-anak mereka dari kecil hingga dewasa. Jadi kesepakatan yang dilakukan bersama adalah berdasarkan garis panduan tersebut. Gaya asuhan autoritatif juga dapat memberikan keberanian, kemandirian dan memotivasikan remaja untuk menghadapi masa depannya. Gaya asuhan autoritatif dapat membina hubungan sosial yang baik, meningkatkan rasa kepercayaan dan membina tanggungjawab sosial yang baik (Baumrind, 1971; Santrock, 1995). Remaja yang dididik oleh ibu bapa autoritatif mempunyai semangat hidup yang tinggi, percaya kepada diri sendiri, mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi serta memiliki ciri-ciri kepimpinan yang baik. Selain itu juga gaya asuhan autoritatif ditandai dengan sikap keterbukaan antara ibu bapa dengan anak, serta menghargai autonomi. Sikap tersebut akan mendorong anak untuk mampu berdiri sendiri, bertanggung jawab dan yakin terhadap diri sendiri Baumrind (1971). Setiap gaya asuhan ibu bapa mempunyai ciri yang berbeza. Menurut Sudiantha (2014) wujud komunikasi yang baik antara anak dan ibu bapa, ibu bapa melibatkan diri dan berbincang tentang masalah yang dialami oleh anak. Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan Autoritatif biasanya akan memberikan pujian apabila anak melakukan mereka sesuatu yang baik dan juga mengajar anak mereka agar melakukan segala sesuatu secara berdikari dengan rasa tanggungjawab. Bagi Sriyanto et al., (2014) pula, perilaku asertif yang mempunyai karakteristik tegas, jujur, terbuka, dan menghargai hak-hak orang lain dapat dibentuk melalui gaya asuhan ibu bapa autoritatif. Jadi gaya asuhan autoritatif apabila diterapkan dengan baik akan membentuk karakteristik dan keperibadian baik seseorang anak. Bagi seseorang anak yang diasuh dengan gaya asuhan autoritatif, dia akan selalunya berfikir sebelum bertindak agar keputusan yang diambil tidak merugikan diri sendiri dan orang lain.

Gaya asuhan permisif pula merupakan bentuk perlakuan ibu bapa yang kebiasaannya memberikan kebebasan penuh kepada anak-anak tanpa kawalan. Untuk gaya asuhan permisif, ibu bapa juga membuat peraturan untuk diikuti oleh anak-anaknya tetapi apabila anak-anak tidak mengikut peraturan, ibu bapa akan bersikap mengalah dan akan mengikut peraturan anak-anaknya. Ibu bapa permisif hanya menggunakan sedikit ketegasan bahkan tanpa menggunakan kawalan terhadap remaja dan lemah lembut ketika mendisiplinkan anak mereka. Alasan ibu bapa permisif memilih gaya asuhan ini adalah kerana mereka percaya bahawa anak mereka harus mempunyai kebebasan yang luas dan bukan dikawal orang dewasa (Decey & Kenny, 1997). Anak khususnya di peringkat remaja yang menerima asuhan permisif kebiasaannya sangat tidak matang dalam pelbagai aspek psikososial (Baumrind, 1975). Gaya asuhan permisif adalah gaya asuhan ibu bapa yang tidak melibatkan anak-anak, tetapi masih meletakkan beberapa tuntutan dan kawalan terhadap kanak-kanak (Baumrind, 1971; Santrock, 2007). Kebiasaannya ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif akan membiarkan anak-anak mereka melakukan apa sahaja yang mereka mahu. Muin (2015) mendapati bahawa terdapat pengaruh yang signifikan terhadap tiga pihak iaitu antara gaya asuhan permisif, lingkungan sekolah, dan pencapaian motivasi ke arah tingkah laku ponteng sekolah dalam kalangan pelajar. Di samping itu, Igbo (2014) telah menyatakan bahawa bagi ibu-ibu di Afrika Selatan yang mengamalkan gaya permisif apabila membesarkan anak-anak mereka menunjukkan pengaruh yang signifikan ke atas tingkah laku devian oleh anak-anak mereka. Selain daripada itu, masalah disiplin dan pencapaian akademik yang rendah membawa kepada ponteng sekolah juga didapati disebabkan oleh gaya asuhan permisif di rumah.

KAEDAH KAJIAN

Prosedur Kajian

Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan untuk memperoleh data serta maklumat yang diperlukan. Borang soal selidik telah diedarkan hanya kepada pelajar (responden) terpilih sahaja. Borang-borang soal selidik telah diedarkan oleh penyelidik sendiri dan juga dengan rakan-rakan penyelidik. Seramai 500 orang pelajar Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri dan Swasta di Kota Malang terlibat di dalam kajian ini. Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan untuk memilih pelajar, yang mana hanya pelajar yang pernah melakukan ponteng sekurang-kurangnya 3 kali di dalam satu semester terlibat di dalam kajian ini.

Sebelum seseorang pelajar itu dipilih untuk terlibat di dalam kajian ini, penyelidik telah terlebih dahulu berhubung dengan pihak pentadbir sekolah (Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar, dan Kaunselor sekolah) setelah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Kementerian Pendidikan Indonesia dan juga Jabatan Pendidikan Daerah terbabit. Untuk mengetahui siapakah pelajar yang pernah melakukan ponteng sekolah sekurang-kurangnya 3 kali di dalam satu semester, kebanyakan data telah diperolehi terus daripada Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar dan juga Kauselor sekolah terbabit. Setelah nama-nama pelajar tersebut diperolehi daripada sekolah-sekolah tertentu, maka penyelidik telah meminta kebenaran bertulis daripada ibu bapa serta pelajar sendiri untuk terlibat di dalam kajian ini. Setelah kebenaran diperolehi, maka pelajar-pelajar akan dikumpulkan di satu tempat yang dibenarkan oleh pihak sekolah terbabit (contohnya bilik darjah, dewan serbaguna, bilik kaunseling, makmal dan mana-mana ruang yang dirasakan sesuai). Di dalam kajian ini kebanyakan tempat yang telah digunakan ialah bilik darjah yang tidak atau belum digunakan untuk sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Sebelum pelajar-pelajar terbabit menjawab borang soal selidik yang diedarkan, mereka terlebih dahulu diberitahu tentang tujuan kajian ini dijalankan, cara menjawab item di dalam borang selidik dan juga tentang etika kajian dijalankan. Secara puratanya seseorang pelajar mengambil masa lebih kurang setengah jam untuk menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Disebabkan oleh faktor masa dan juga geografi, secara keseluruhannya penyelidik berserta rakan-rakan penyelidik menggunakan lebih kurang 3 bulan untuk mengumpul data yang diperlukan. Rakan-rakan penyelidik sebenarnya adalah terdiri daripada guru-guru terlatih yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah negeri di Kota Malang. Mereka telah diberikan sedikit suguhati berupa wang sebagai motivasi untuk membantu di dalam menayakan penyelidikkan ini.

Instrumen Kajian

Alat ukur yang berupa borang soal selidik gaya asuhan ibu bapa yang digunakan dalam kajian ini adalah diadaptasi daripada *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) yang disusun oleh Buri (1991) bagi memudahkan responden menjawab soal selidik. Namun, PAQ yang disusun oleh Buri (1991) dengan menggunakan teori Baumrind (1971) terdiri dari 3 jenis sahaja iaitu autoritarian, autoritatif, dan permisif. Alat ukur yang disusun oleh Buri (1991) terdiri daripada 30 item soalan, 10 soalan autoritarian, 10 soalan autoritatif, dan 10 soalan permisif. Disebabkan responden adalah terdiri daripada pelajar berbangsa Indonesia, maka proses penterjemahan 'Back to Back' telah dilakukan dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu dan sebaliknya oleh pakar Bahasa yang berlainan. Setelah itu soal selidik tersebut diterjemahkan lagi dari Bahasa Melayu ke Bahasa Indonesia dan sebaliknya oleh pakar Bahasa yang fasih dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia.

PAQ merupakan soal selidik yang khusus untuk gaya asuhan ibu bapa yang memperlihatkan kenyataan yang sah untuk mengukur gaya asuhan ibu bapa berdasarkan pada tipologi gaya asuhan ibu bapa Baumrind (1991) yang meliputi autoritarian, autoritatif dan permisif. Kajian rintis telah dijalankan untuk memastikan yang instrumen yang digunakan adalah betulbetul bersesuaian dan mempunyai kredibiliti serta kesahan yang bersesuaian. Nilai Cronbach-Alpha dari PAQ secara keseluruhannya adalah 0.82, dan masing-masing 0.86 untuk ibu autoritarian, 0.78 untuk ibu autoritatif, dan 0.81 untuk ibu permisif, 0.85 untuk bapa autoritarian, 0.92 untuk bapa autoritatif, dan 0.77 untuk bapa permisif.

Analisis data

Semua maklumat dan data yang diperolehi daripada soal selidik diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 24.0. Data yang dianalisis ialah data kekerapan min dan juga peratusan. Berdasarkan min yang diperolehi maka analisis dilakukan untuk mengetahui korelasi serta regresi bagi menjawab objektif tertentu di dalam kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Gaya Asuhan Ibu bapa Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Atas yang Terlibat Dengan Gejala Ponteng di Kota Malang Indonesia.

Jadual 3 : Min keseluruhan dan sisihan piawai bagi setiap gaya asuhan ibu bapa pelajar-pelajar sekolah menengah atas yang terlibat dengan gejala ponteng di Kota Malang Indonesia.

Gaya Asuhan	Minimum	Maximum	Min	Sisihan Piawai
Autoritarian	1.00	5.00	3.12	.83
Autoritatif	2.00	5.00	3.10	.77
Permisif	1.00	5.00	3.12	.87

Jadual 3 menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar-pelajar yang ponteng di sekolah-sekolah yang dikaji. Menurut Birisci et al., (2009), selang min di antara 1 hingga 1.80 menunjukkan tahap yang sangat rendah, 1.81 hingga 2.60 menunjukkan tahap rendah, 2.61 hingga 3.40 menunjukkan tahap sederhana, 3.41 hingga 4.20 menunjukkan tahap yang tinggi dan 4.21 hingga 5.00 menunjukkan peringkat sangat tinggi. Berdasarkan dapatan di Jadual 3 di atas, dengan skor min di antara 3.10 hingga 3.12, ketiga-tiga gaya asuhan ibu bapa pelajar ponteng sekolah dalam kajian ini adalah dikategorikan sebagai di tahap sederhana. Dibandingkan di antara ketiga-tiga gaya asuhan di atas, nampaknya gaya asuhan Autoritarian dan Permisif adalah lebih dominan berbanding dengan ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan Autoritatif.

Gaya Asuhan Ibu Bapa (Autoritarian, Autoritatif, Permisif) yang dianggap Signifikan Sebagai Peramal Perlakuan Ponteng Sekolah

Jadual 4 : Hubungan di antara Gaya Asuhan Ibu Bapa dengan Gejala Ponteng Sekolah

Gaya Asuhan	M	SD	1	2	3
Autoritarian	3.12	0.83	-	0.564**	0.493**
Autoritatif	3.10	0.77	0.564**	-	0.487**
Permisif	3.12	0.87	0.493**	0.487**	-

** p < .001 N = 500

Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dan ponteng sekolah ($p < 0.05$). Seperti yang diharapkan semua sumber telah dikaitkan dengan ketara di kalangan mereka. Apabila ponteng sekolah adalah pembolehubah bersandar, semua hipotesis adalah peramal yang signifikan gaya asuhan ibu bapa kepada ponteng sekolah. Sebelum menjalankan analisis regresi berganda, terdapat beberapa andaian yang telah diambil kira seperti multikolineariti, normaliti, kelinearan, homoscedastisiti, dan data terpencil (Steven, 1990). Multikolineariti adalah andaian penting dalam pelbagai analisis regresi berganda. Jadual 5 menunjukkan bahawa andaian multikolineariti telah disahkan dengan memeriksa korelasi mudah antara pembolehubah bebas yang terpilih dan pembolehubah bersandar, dan dengan memeriksa faktor inflasi varians (VIF) bagi pembolehubah bebas (Steven, 1990).

Jadual 5. Statistik Kolineariti

Gaya Asuhan	Collinearity Statistics	
	Tolerance	VIF
Autoritarian	0.620	1.614
Autoritatif	0.624	1.602
Permisif	0.693	1.443

Analisis regresi berganda telah dijalankan untuk mengenal pasti peramal terbaik pemboleh ubah bersandar dan untuk menunjukkan bahagian varians dalam pembolehubah bersandar (ponteng) yang dijelaskan oleh pembolehubah bebas yang dipilih (autoritarian, autoritatif dan permisif). Ringkasan keputusan regresi berganda dibentangkan dalam Jadual 6 dan 7. Bagi maksud mengesahkan model regresi dapat diketahui dari nisbah F-nilai yang perlu berada di atas paras ambang 1, dan tahap kebarangkalian yang signifikan ($p < 0.05$) dalam analisis regresi. Berdasarkan Jadual 7 model menunjukkan bahawa F-nisbah adalah 292.349 dan ia adalah signifikan pada tahap kebarangkalian $p = 0.000$. Ini menunjukkan bahawa model ini telah disahkan sebagai mencerminkan penduduk sebenar, dan membuktikan bahawa semua gaya asuhan autoritarian, autoritatif dan permisif berpengaruh kepada gejala ponteng sekolah. Berdasarkan Jadual 6 nisbah pekali penentuan (R^2) 0.637 menunjukkan bahawa 63.7 peratus daripada gejala-gejala ponteng sekolah dapat dijelaskan oleh gaya asuhan ibu bapa. Dalam erti kata lain, pembolehubah tidak bersandar, iaitu autoritarian (X1), autoritatif (X2), dan permisif (X3) memberikan sumbangan kepada gejala ponteng sekolah (Y) ialah 63.7 peratus, manakala selebihnya adalah 36.3 peratus mengatakan, bahawa gejala ponteng sekolah pelajar sekolah menengah dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji dalam kajian ini.

Jadual 6: Ringkasan model regresi

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	0.799	0.639	0.637	0.81952

Jadual 7: ANOVA

Model	Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
Regression	589.034	3	196.345	292.349	0.000
Residual	333.111	496	0.672		
Total	922.152	499			

N = 500, $p < 0.05$

Pekali regresi piawai (Beta), memberi petunjuk sumbangan setiap pembolehubah bebas dalam meramalkan pembolehubah bersandar (Aron et al., 2005). Jadual 8 menunjukkan kepentingan untuk nilai p bagi setiap pembolehubah bebas diwakili ukuran kepentingan pembolehubah ini dalam meramalkan pembolehubah bebas.

Jadual 8: Pekali Regresi

Model	Pekali tanpa diipiawaikan		Pekali diipiawaikan		T	Sig.
	B	Std. Error	Beta			
(Constant)	-2.182	0.173			-12.620	0.000
Autoritarian	0.501	0.056	0.308		8.973	0.000
Autoritatif	0.470	0.060	0.267		7.822	0.000
Permisif	0.614	0.050	0.396		12.213	0.000

$N = 500$, $p < 0.05$

Untuk menentukan peramal yang terbaik di antara pembolehubah bebas dalam meramalkan pembolehubah bersandar, pekali regresi piawai (Beta) telah digunakan. Keputusan analisis adalah seperti yang diikuti; gaya asuhan permisif mempunyai nilai yang paling besar untuk pekali regresi piawai (Beta). Ini bermaksud bahawa gaya asuhan permisif bolehlah dikatakan sebagai peramal perlakuan ponteng dalam kalangan pelajar dalam kajian ini. Ini diikuti gaya asuhan autoritarian dan autoritatif.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, ketiga-tiga gaya asuhan ibu bapa yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar-pelajar yang ponteng dalam kajian ini adalah dikategorikan sebagai berada di tahap sederhana. Berdasarkan dapatan kajian serta merujuk kepada tahap gaya asuhan ibu bapa yang disarankan oleh Birisci et al., (2009), tidak terdapat satu pun di antara ketiga-tiga gaya asuhan tersebut yang dianggap tinggi diamalkan oleh ibu bapa pelajar yang melakukan ponteng di dalam kajian ini. Oleh itu tidak ada satu pun gaya asuhan ibu bapa yang boleh dianggap sebagai paling dominan. Tambahan pula, di bawah kategori tahap sederhana boleh dikatakan tidak terdapat sebarang perbezaan yang amat ketara dari segi nilai min keseluruhan di antara ketiga-tiga gaya asuhan tersebut. Walaupun begitu, nampaknya min gaya asuhan Autoritarian dan Permisif adalah lebih tinggi sedikit berbanding dengan min gaya asuhan ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan Autoritatif. Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa, bagi pelajar-pelajar yang telah melakukan ponteng (sekurang-kurangnya tiga kali dalam satu semester persekolahan) di dalam daerah-daerah yang terdapat di Kota Malang, adalah lebih ramai dalam kalangan mereka yang mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan Autoritarian dan juga Permisif.

Gaya asuhan ibu bapa autoritarian merupakan gaya asuhan ibu bapa yang mengamalkan cara didikan anak-anak yang agak ketat serta tegas. Anak-anak dari ibu bapa jenis ini cenderung membesar menjadi seorang dewasa yang pasif dan lebih cenderung untuk menghindari kehidupan sosial dengan orang lain, menjadi individu yang agresif dan seorang yang mempunyai kehendak atau ekspektasi yang tinggi terhadap orang lain (Bezrukova & Samoylova, 2015). Menurut Bandura (1977), seseorang akan memerhatikan perilaku orang lain dan akan menyimpan informasinya atau perilaku yang dibuat dan seterusnya, akan mengaplikasikannya tindakan tersebut. Teori tersebut apabila diaplikasikan pada gaya asuhan ibu bapa autoritarian akan menunjukkan kesan yang kurang memuaskan kerana ibu bapa merupakan contoh nyata dalam membentuk personaliti dan perilaku anak-anak atau pelajar. Apabila ibu bapa mendidik dengan cara yang keras maka karakter anak-anak akan menjadi agresif dan susah untuk dikawal atau diatur. Hal tersebut menjadi penyebab pelajar melakukan ponteng sekolah. Selain daripada itu, Cherry, (2012) menyatakan bahawa gaya asuhan authoritarian yang memiliki nilai disiplin yang tinggi dan bersifat mengawal selalunya kurang mesra serta kurang komunikasi dalam kalangan ahli-ahli keluarga. Ini sebenarnya telah secara tidak langsung meninggalkan kesan yang lain. Jenis serta amalan gaya asuhan yang berupa authoritarian telah secara tidak langsung menjadi salah satu penyebab pelajar melakukan ponteng sekolah kerana pelajar sering berasa tertekan dan tidak gembira atau selesa dengan gaya kehidupan yang dilaluinya di rumah. Hasil kajian ini menyokong kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelumnya (Gloria, 2016; Murtiyani, 2011; Salikiin et al., 2016; Scolastica & Aloka, 2014) yang menyatakan bahawa gaya asuhan ibu bapa autoritarian memiliki pengaruh yang signifikan secara positif terhadap gejala ponteng sekolah.

Bagi anak-anak yang diasuh dengan gaya asuhan permisif pula, menurut Pravitasari (2012), ibu bapa jenis ini sememangnya langsung tidak masuk campur dalam kehidupan anak-anak mereka. Oleh itu didapati anak-anak hasil asuhan ini memiliki keyakinan diri yang rendah, tidak matang dan sering mengasingkan dirinya daripada keluarga. Anak-anak yang didik dengan gaya ini juga cenderung dimanjakan dan ibu bapa yang tidak mahu ikut campur dalam kehidupan anak-anak mereka dan akibatnya mereka juga akan lebih cenderung untuk melakukan jenayah terutamanya apabila mereka meningkat remaja (Pravitasari, 2012). Hal tersebut terjadi kerana kurangnya pengawasan dan kawalan dari ibu bapa sedangkan anak-anak pada usia remaja selalunya memiliki rasa ingin tahu yang besar serta mudah terpengaruh dengan rakan sebaya, media masa serta keadaan persekitaran yang kurang baik. Berdasarkan analisis regresi yang telah dijalankan, gaya asuhan ibu bapa berbentuk permisif merupakan peramal yang paling signifikan terhadap perlakuan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Atas

di Kota Malang. Ini bermakna, bagi ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif, kecenderungan anak-anak mereka terlibat dengan gejala ponteng sekolah adalah tinggi berbanding dengan ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan Autoritarian dan Autoritatif. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelumnya (Muin, 2015; Pravitasari, 2012) yang menyatakan bahawa gaya asuhan ibu bapa permisif mempunyai pengaruh yang signifikan secara positif terhadap gejala ponteng sekolah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, proses mendidik anak-anak bukannya semudah yang disangka. Ibu bapa haruslah bijak memilih gaya asuhan yang sesuai demi perkembangan positif anak-anak mereka, khususnya anak-anak remaja yang masih di bangku sekolah. Di era revolusi teknologi dan komunikasi pada masa kini kebanyakan anak-anak khususnya para remaja sememangnya terdedah dan bergantung kepada teknologi dan akibatnya mereka jarang berkomunikasi dengan ibu bapa. Oleh itu ibu bapa perlulah sentiasa mendekati serta mewujudkan hubungan yang dekat atau erat anak-anak mereka. Anak-anak perlulah selalu diajak untuk berbincang ketika membicarakan sesuatu masalah atau peraturan-peraturan yang dibuat di rumah agar wujud komunikasi yang baik serta sihat (Sudiantha, 2014). Selain daripada itu, ibu bapa perlulah bersikap terbuka dan sentiasa berbincang dengan pihak sekolah tentang perkembangan serta tindak tanduk anak-anak mereka di sekolah. Ibu bapa haruslah sentiasa menyokong dan bekerjasama dengan pihak sekolah demi kebaikan serta masa depan anak-anak mereka.

Bagi ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan yang berbentuk tegas, berdisiplin tinggi serta mengongkang (autoritarian) sudah tentu merasakan bahawa sikap atau perlakuan anak-anak mereka adalah di bawah kawalan mereka. Namun hakikatnya anak-anak mereka tetap berani serta tidak segan terlibat dengan perlakuan ponteng sekolah. Bagi ibu bapa yang terlalu membiarkan anak-anak mereka serta tidak mengambil tahu akan tindak tanduk mereka (permisif) sudah tentu akan mengundang pelbagai masalah yang seterusnya menjejaskan masa depan mereka. Oleh itu mereka seharusnya diberikan pendedahan yang sepatutnya berkaitan dengan gaya asuhan ibu bapa yang sesuai.

CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian ini adalah dicadangkan agar pihak sekolah membuat temujanji dan seterusnya mengumpul kesemua ibu bapa yang anak-anak mereka sering melakukan ponteng sekolah. Mereka bukan sahaja diajak berbincang mengenai masalah ponteng anak-anak mereka, malah perlu diberi kursus pendek atau ceramah berkaitan dengan asas atau kemahiran keibubapaan yang sesuai dan sepatutnya. Sememangnya mustahil untuk mengumpul para ibu bapa sekaligus kerana pelbagai faktor yang tidak dapat dielakkan. Ada ibu bapa yang perlu bekerja atau tidak mempunyai kesempatan atau ruang disebabkan oleh pelbagai komitmen yang tidak dapat dielakkan. Sebenarnya mereka boleh dijemput dan dikumpulkan ke dalam kumpulan kecil dan mengikuti ceramah atau kursus pendek secara berkala. Oleh itu, pihak sekolah perlulah merancang dengan teliti dan menggunakan pelbagai strategi yang sesuai agar ibu bapa terbabit dapat memberikan kerjasama, dikumpulkan dan seterusnya diberikan pendedahan yang sesuai berkaitan dengan kemahiran keibubapaan yang sesuai. Namun begitu, kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti pentadbir sekolah, guru-guru, pegawai pendidikan daerah, Jabatan kebajikan, pihak polis, wakil rakyat dan badan bukan kerajaan (NGO) amat diperlukan bagi menjayakan cadangan ini.

Dapatan kajian yang telah dijalankan di Kota Malang, Indonesia ini sebenarnya adalah selari dengan dapatan kajian-kajian yang telah dijalankan di beberapa buah negara lain (Breda, 2014; Donkor, 2015; Gase et al., 2016; Saleh & Saidi, 2015; Stevan, 2014; Virtanen et al., 2014) yang mana faktor keluarga khususnya gaya asuhan ibu bapa, merupakan antara penyumbang utama ke atas perlakuan ponteng dalam kalangan pelajar sekolah. Ini sebenarnya secara tidak langsung memberi isyarat bahawa berkemungkinan besar negara-negara jiran Indonesia seperti Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Brunei, Vietnam, China, dan India juga mempunyai faktor penyumbang yang tidak jauh berbeza. Oleh itu, adalah dicadangkan agar satu jaringan atau kerjasama serantau diwujudkan antara negara-negara ini. Pelbagai program atau strategi seperti forum, perbincangan atau bengkel akademik berkaitan dengan pendidikan keibubapaan boleh dijalankan oleh pendidik-pendidik dari negara-negara Asia di atas. Ianya juga boleh dilakukan melalui persidangan antarabangsa, perbincangan secara atas talian (internet) dan lawatan. Selain daripada itu, kerjasama di antara negara-negara Asia di atas dari segi pembikinan cerita drama atau filem yang berlandaskan atau bertema gaya asuhan ibu bapa dan kesannya terhadap permasalahan ponteng sekolah sudah tentu akan memberi impak yang lebih menarik dan berkesan.

Selain daripada itu, untuk kajian berikutnya dicadangkan kaedah yang digunakan adalah menggunakan kaedah *mix metod* (kuantitatif dan kualitatif) yang boleh menggunakan borang soalan selidik, temu bual serta pengamatan untuk mendapat data dari sampel kajian agar data atau maklumat yang dikehendaki boleh diperolehi dengan lebih mendalam serta menyeluruh.

RUJUKAN

- Alavi, K., Nen, S., Ibrahim, F., M., A., N.Mohamad, M. S., & Nordin, N. M. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *Journal Of Social Sciences And Humanities*, 7(1), 131–140.
- Aqeel, M. (2016). Perceived parental school involvement and problems faced by students : comparison of truant and punctual students. *Pakistan Journal of Psychological Research*, 31(1), 241–265.
- Aron, A., Aron, E. N., & Coups, E. J. (2005). *Statistics for the behavioral and social sciences: A brief course*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.

- Arthur, R. (2014). Troubling times for young people and families with troubles – responding to truancy, rioting and families struggling with adversity. *Social & Legal Studies*, 1–22. <http://doi.org/10.1177/0964663914559239>
- Attwood, G., & Croll, P. (2015). Truancy and well-being among secondary school pupils in England. *Educational Studies*, 41(2005), 14–28.
- Azimi, A. L., Vaziri, S., & Kashani, F. L. (2012). Relationship between maternal parenting style and child's aggressive behavior. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 69(Iceepsy), 1276–1281. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.12.062>
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191–215.
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology*, 4(1, Pt.2), 1–103. <http://doi.org/10.1037/h0030372>
- Baumrind, D. (1975). The contributions of the family to the development of competence in children. *Schizophrenia Bulletin*, 14, 12–37. <http://doi.org/10.1093/schbul/1.14.12>
- Baumrind, D. (1991). Parenting style and adolescent development. In R. Brook-Gunn & A. Petersen (Eds.), *The encyclopedia of adolescent*. New York: Garland.
- Berten, H., & Rossem, R. Van. (2015b). Homophily in adolescence: Is similarity in status characteristics associated with similarity in anti-school behaviour? *Sage*, 23(1), 76–96. <http://doi.org/10.1177/1103308814557400>
- Bezrukova, O., & Samoylova, V. (2015). The authoritarian syndrome in attitudes and educational practices of Russian parents. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 165, 234–240. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.12.627>
- Birisci, S., Metin, M., & Karakas, M. (2009). Prospective elementary teachers' attitudes toward computer and internet usage: A sample from Turkey. *World APPLIED Science Journal*, 6(10), 1433–1440.
- Breda, M. J. Van. (2014a). Truants' perceptions of family factors as causes of school truancy and non-attendance. *J Psychology*, 5(1), 47–53.
- Breda, M. J. Van. (2014b). Truants' perceptions of parental involvement in their education: How can parents assist? *J Hum Ecol*, 48(1), 145–151.
- Broo. (2017). Peran bimbingan konseling (BK) dalam mengatasi kenakalan remaja di SMK N 02 Malang. <http://contohakul.blogspot.my/2014/06/skripsi-Ips-Peran-Bimbingan-Konseling.html>. Malang.
- Buri, J. R. (1991). Parental authority questionnaire. *Journal of Personality Assessment*, 57(1), 110–119. <http://doi.org/10.1207/s15327752jpa5701>
- Chand, S. P., & Campus, L. (2012). The role of parents in maintaining discipline amongst form 4 secondary school students in Fiji. *Research Journal of Social Sciences and Management*, (2010), 12–17.
- Cherry, K. (2012). *Parenting styles the four styles of parenting*.
- Claes, E., Hooghe, M., & Reeskens, T. (2009). Truancy as a contextual and school-related problem: A comparative multilevel analysis of country and school characteristics on civic knowledge among 14 year olds. *Educational Studies*, 35(2), 123–142. <http://doi.org/10.1080/03055690802470258>
- Cynthia, U. N. (2013). *Personality type, parenting style and socio economic status as predictors of adolescents delinquency behaviour*. University Of Nigeria, NSUKKA.
- Dahl, P. (2016). Factors associated with truancy: Emerging adults' recollections of skipping school. *Journal of Adolescent Research*, 31(1), 119–138. <http://doi.org/10.1177/0743558415587324>
- DBP. (2007). *Kamus dewan* (4 ed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Decey, J., & Kenny, M. (1997). *Adolescent development*. USA: Brown & Benchmark Publishers.
- Dembo, R., & Gullledge, L. M. (2009). Truancy intervention programs challenges and innovations to implementation. *Criminal Justice Policy Review*, 20(2), 437–456.
- Donkor, A. K. (2015). School community partnership mitigates student truancy: The case of a seaman's son in Ghana. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 2(11), 116–128.
- Donoghue, J. (2011). Truancy and the prosecution of parents: An unfair burden on mothers? *The Modern Law Review*, 2004, 216–244.
- Ek, H., & Eriksson, R. (2013). Psychological factors behind truancy, school phobia, and school refusal: A literature study. *Child & Family Behavior Therapy*, 35(3), 228–248. <http://doi.org/10.1080/07317107.2013.818899>
- Entitas. (2016). Uji coba jalur satu arah hanya bertahan 5 jam. <http://www.entitashukum.com/kredibilitas-Walikota-Malang-Dipertanyakan/>. Malang.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity YOUTH and Crisis*. (Robert Coles, Ed.) (Gandhi's T). New York: National Book Award.
- Floros, G., Paradisioti, A., Hadjimarcou, M., Mappouras, D. G., Karkanoti, O., & Siomos, K. (2013). Adolescent online gambling in Cyprus: Associated school performance and psychopathology. *J Gambal Stud*, 1–18. <http://doi.org/10.1007/s10899-013-9424-3>
- Gase, L. N., Defosset, A., Perry, R., & Kuo, T. (2016). Youths' perspectives on the reasons underlying school truancy and opportunities to improve school attendance. *The Qualitative Report*, 21(2), 299–320.
- Gloria, O. O. (2016). The influence of family factors on delinquent adolescents in secondary school in Edo South Senatorial District of Edo State. *International Journal of Arts and Humanities (IJAH)*, 5(18), 231–243.
- Haight, C., Kearney, C. A., Hendron, M., & Schafer, R. (2011). Confirmatory analyses of the school refusal assessment scale-revised: replication and extension to a truancy sample. *J Psychopathol Behav Assess*, 33, 196–204. <http://doi.org/10.1007/s10862-011-9218-9>
- Hashim, R. B. C. (2016). *Kesejahteraan spiritual dengan penghargaan sendiri remaja ponteng*. Universitas Pendidikan Sultan Idris.
- Hassan, A., Jami, H., & Aqeel, M. (2016). Academic self-concept, self-esteem, and academic achievement among truant and punctual students. *Pakistan Journal of Psychological Research*, 31(1), 223–240.
- Havik, T., Bru, E., & Ertesvag, S. K. (2015). Truancy-related reasons for school non-attendance. *Soc Psychol Educ*, (123), 1–20. <http://doi.org/10.1007/s11218-015-9293-y>

- Hendricks, M. A., Sale, E. W., Evans, C. J., & Carter, L. (2010). Evaluation of a truancy court intervention in four middle schools. *Psychology in the Schools*, 47(2). <http://doi.org/10.1002/pits>
- Igbo, J. N., & Ihejiene, M. A. (2014). Influence of parenting styles on deviant behaviors and academic achievement of secondary school students in Garoua, Northern Cameroun. *International Journal of Educational Science and Research*, 4(5), 19–34.
- Lin, T. E., & Lian, D. T. C. (2011). Relationship between perceived parenting styles and coping capability among Malaysian secondary school students. *International Conference on Social and Humanity*, 5, 20–24.
- Maccoby, E. E., & Martin, J. A. (1993). Socialization in the context of the family: Parent-child interaction. In P. H. Mussen (Ed.), *Handbook of child psychology*. New York: Wiley.
- Matela, T., Ferreira, A., & Wet, C. de. (2014). Educational risk factors for psychological truancy in Lesotho: A qualitative exploration. *Journal of Psychology in Africa*, 24(5), 449–452. <http://doi.org/10.1080/14330237.2014.997016>
- Monahan, K. C., Vanderhei, S., Bechtold, J., & Cauffman, E. (2014). From the school yard to the squad car : school discipline, truancy, and arrest. *J Youth Adolescence*. <http://doi.org/10.1007/s10964-014-0103-1>
- Muin, S. (2015). Peran pola asuh permisif, iklim sekolah, dan motivasi berprestasi terhadap perilaku membolos siswa. *Psikopragogia*, 4(2), 93–103.
- Murtiyani, N. (2011). Hubungan pola asuh orang tua dengan kenakalan remaja di rw v kelurahan sidokare kecamatan sidoarjo. *Jurnal Keperawatan*, 1(1), 1–9.
- Mustaffa, M. S., & Jamil, S. A. (2012). Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 6(June), 50–73.
- Nawawi, A. B. M., Mohd, A. B., & Saad, N. B. M. (2016). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan tahap ponteng sekolah menengah di daerah Bachok, Kelantan. In *Proceeding of ICERS* (Vol. 1, pp. 1–11). Kelantan, Malaysia: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>.
- Nitasari, N. Ika. (2016). Faktor-faktor yang mendorong siswa SMA Al-Islam Krian membolos sekolah. *Kajian Moral Dan Kewarganegaraan* N, 3(4), 1963–1977.
- Nur, S. (2017). Bolos sekolah, belasan pelajar dihukum baris berbaris. <http://www.jatimtimes.com/baca/133494/20160118/162150/bolos-Sekolah-Belasan-Pelajar-Dihukum-Baris-Berbaris/>. Malang.
- Onyango, D. A. (2015). *Effects of authoritarian parenting model on learner participation in early childhood education science class kabondo division, Homabay County, Kenya*. Department of Educational Communication and Technology University of Nairobi.
- Pravitasari, T. (2012). Pengaruh persepsi pola asuh permisif orang tua terhadap perilaku membolos. *Educational Psychology Journal*, 1(1), 1–8.
- Risakotta, R. M. (2015). Dampak tayangan televisi terhadap kejahatan anak. *Lex et Societatis*, III(9), 5–14.
- Riz/yan. (2017). Cegah siswa bolos, dinas pendidikan Kota Malang briefing guru konseling. *Malang.memo-X.com*. Malang. Retrieved from <https://malang.memo-x.com/18915/cegah-siswa-bolos-dindik-briefing-guru-konseling>
- Rogers, L. T. (2014). Absenteeism and truancy issues: Are mentoring programs funded by the office of juvenile justice and delinquency prevention the answer? *Children & Schools*, 36(3), 185–188.
- Saidi, M. H. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Keningau Sabah*. (Thesis) Bidang Pengajian Pendidikan, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia.
- Saleh, F., & Saidi, Z. A. (2015). Faktor dan peranan institusi keluarga dalam mencegah salahlaku dan devian dalam kalangan remaja. *Proceeding : 7th Internatinal Seminar on Regional Educationn*, 1, 147–157.
- Salikiin, N. M., Amir, R., & Awang, M. M. (2016). Family environment the effects of peer on deviant behavior. In “*Cross-cultural education for sustainable regional development* ” Bandung, Indonesia. (Vol. 2016). Bandung, Indonesia: ICERD 2016.
- Santrock, J. W. (1995). *Life-span development: Perkembangan masa hidup (alih bahasa Achmad Chusairi dan Juda Damanik)* (5 ed). Jakarta: Erlangga.
- Santrock, J. W. (2007). *Perkembangan anak* (11 ed). Jakarta: Erlangga.
- Sara, S. S., & Baba, M. M. (2016). School environment as correlate of truancy behaviour among secondary school students in Jigawa State, Nigeria: Implications for counselling. *International Journal of Educational Benchmark*, 2(2), 23–38.
- Scolastica, N., & Aloka, P. J. O. (2014). Relationship between adolescents’ perceptions of their parents’ behaviours and youths’ non-Illegal and minor- Illegal delinquency in Nairobi Secondary Schools, Kenya. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(7), 390–401. <http://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n7p390>
- Shek, D. T. L., & Lin, L. (2014). Personal well-being and family quality of life of early adolescents in Hong Kong : Do economic disadvantage and time matter ? *Soc Indic Res*, 117, 795–809. <http://doi.org/10.1007/s11205-013-0399-3>
- Smith, A., Kirchner, E. L. E., Higgins, G. E., & Khey, D. (2011). Trajectories of parenting styles and delinquency: An examination using a sample of african-americans. *The Open Family Studies journal*, 4(502), 46–53.
- Sriyanto, Abdulkarim, A., Zainul, A., & Maryani, E. (2014). Perilaku asertif dan kecenderungan kenakalan remaja berdasarkan pola asuh dan peran media massa. *Jurnal Psikologi*, 41(1), 74–88.
- Stevan, F. A. (2014). *Analisis masalah ponteng dalam kalangan pelajar india di sekolah menengah melalui kaedah pedagogi hermeneutik*. Universitas Pendidikan Sultan Idris.
- Steven, J. (1990). *Intermediate statistic: A modern approach*. New Jersey: Erlbaum.
- Strand, A., Anbäcken, E., Granlund, M., & Strand, A. (2016). Social support for adolescents with a high level of truancy in Swedish Compulsory Schooling, 4669(April). <http://doi.org/10.1080/10824669.2015.1041635>
- Sudiantha, D. (2014). *Hubungan model pengasuhan orang tua dengan pola perilaku siswa sekolah menengah pertama Shalahudin Malang*. Universitas Brawijaya.
- Sutphen, R. D., Ford, J. P., & Flaherty, C. (2010). Truancy interventions: A review of the research literature. *Reseach on Social Work Practice*, 20(2), 161–171. <http://doi.org/10.1177/1049731509347861>

- Talib, J., Mohamad, Z., & Mamat, M. (2015). Effects of parenting style on children development effects of parenting style on children development. *World Journal of Social Sciences*, 1(June), 14–35.
- Trishala, M., & Kiran, S. (2015). Impact of perceived parenting styles on the emotional maturity among adolescents. *Indian Journal of Health and Wellbeing*, 6(2), 212–215.
- Vasilova, A. (2016). Authority in education – free association with authoritativeness? *Littera Scripta*, 9(1), 154–161.
- Virtanen, T. E., Lerkkanen, M.-K., Poikkeus, A.-M., & Kuorelatti, M. (2014). Student behavioral engagement as a mediator between teacher, family, and peer support and school truancy. *Learning and Individual Difference*, 36, 201–206.
- White, S. Williams, & Kelly, F. D. (2010). The school counselor as role in school dropout prevention. *Journal of Counseling and Development*, 88(2).
- Woude, L. B. Van Der, Stouwe, T. Van Der, & Stams, G. J. J. M. (2016). Differences between risk factors for truancy and delinquency in Dutch adolescents. *Children and Youth Services Review*. <http://doi.org/10.1016/j.chilyouth.2016.11.028>
- Yahaya, A., Hashim, S., & Hamzah, M. (2012). Masalah salah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. *Jurnal Teknologi*, 58, 91–103.
- Yahaya, A., Jamaludin Ramli, Hashim, S., Ibrahim, M. A., & Kadir, H. B. H. A. (2010). The effects of various modes of absenteeism problem in school on the academic performance of students in secondary schools. *European Journal of Social Sciences*, 12(4), 624–639.
- Zins, C. (2013). *Engaging families to prevent chronic truancy engaging families to prevent chronic truancy*. St. Cathrine University.

Diana Wulandari
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Malaysia
Email: wulandaridiana87@gmail.com

Lee Jun Choi
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
Email: cljun@unimas.my

Sawan @ Mohammad Syawal Narawi
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Malaysia
Email: syawal@uum.edu.my